

01/03/2003

Melayu jangan boros, malas: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu di

negara ini supaya tidak menjadi seperti orang Melayu di sebuah negara Asia

Tenggara yang tidak menerima layanan dan hak yang sama dengan rakyat keturunan lain.

Tanpa menamakan negara yang dimaksudkan, Perdana Menteri berkata, keadaan itu berlaku kerana orang Melayu tidak sanggup berusaha, bekerja dan bersikap cermat dengan harta benda.

"Dalam zaman moden ini, kita perlu sesuaikan diri dan cara kita dengan aliran zaman. Jika tidak, kita akan ketinggalan. Sudah banyak bangsa dan tamadun yang hilang dari muka bumi ini. Janganlah kita menjadi satu daripadanya," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan demikian pada majlis pelancaran Hari Kraf Kebangsaan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur di Jalan Conlay di sini, semalam.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mengajak rakyat mengimbuai sejarah di zaman

penjajahan apabila British membawa masuk pekerja dari India dan China kerana orang Melayu tidak sanggup bekerja.

Malah, katanya, orang Melayu pada satu ketika menjadi kaum minoriti di negara sendiri dan jika tidak kerana kemelesetan ekonomi pada 1930-an yang

menyebabkan ramai orang asing balik ke negara asal, orang Melayu akan menjadi puak minoriti yang lemah dalam segala-galanya semasa menuntut kemerdekaan.

"Jika kita capai kemerdekaan dalam keadaan itu, kita tidak pun akan dapat sedikit kuasa yang kita miliki sekarang.

"Sekarang ini, kita sekali lagi terpaksa bergantung kepada tenaga pendatang asing. Janganlah kita kecewa kemudian kerana sedikit kelebihan yang ada pada kita daripada segi politik akan terhakis dan kita menjadi orang yang miskin di Malaysia yang sudah maju," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan kini berusaha menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 dan tidak ingin melihat dalam negara yang sudah maju,

ada kaum yang tidak maju dan terus miskin daripada kaum lain.

Beliau berkata, sedikit sebanyak kerajaan boleh membantu, tetapi ia sudah tentu tidak sama dengan yang berusaha sendiri kerana bantuan kerajaan tidak boleh mengubah orang miskin, menjadi kaya.

Katanya, kejayaan orang lain menyumbang kepada peningkatan kemajuan negara ini, adalah kerana mereka berusaha bekerja keras sama ada sebagai pekerja, peniaga atau pengusaha.

"Sebab orang asing berhempas pulas hendak datang ke Malaysia adalah kerana banyak peluang kerja. Mereka mendapat peluang ini kerana rakyat Malaysia sendiri tidak sanggup bekerja, tidak sanggup kotor tangan, tidak

sanggup berpindah sedikit ke tempat yang ada peluang kerja," katanya.

Dr Mahathir yakin jika mereka sanggup bekerja, tidak ada sebab kenapa

mereka terus miskin kerana menjadi hasrat kerajaan melihat semua rakyat memperoleh pendapatan lebih tinggi sama ada sebagai pekerja yang mengambil upah atau bekerja sendiri seperti di kilang atau ladang.

Beliau berkata, kerajaan tidak mencadangkan sesuatu melainkan untuk kebaikan dan sudah banyak peluang pekerjaan, perniagaan dan perusahaan diadakan, termasuk pembangunan industri kraf.